

Headline	Bangun penyelidikan sektor perhutanan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A8	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	466 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,638
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,914



# Bangun penyelidikan sektor perhutanan

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan FRIM Inc. bagi memajukan dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan

## ► Kementerian Kewangan lulus penubuhan FRIM Inc

**Junaidi Tuanku Jaafar.**  
Beliau berkata dengan kelulusan yang diperoleh

4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat menjana pendapatan sendiri melalui pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijalankannya.

Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, katanya kepada pemberitaselepas menghadiri Perhimpunan Raya Korban Perdana kementerian itu di Masjid Jamek FRIM di sini pada Ahad.

Pada 7 April tahun lepas, Dewan Rakyat

meluluskan Rang Undang-Undang FRIM 2016 yang antara lain membenarkan institut itu menubuhkan atau memajukan syarikat untuk memperkukuhkannya menjadi satu badan pihak berkuasa bagimengkomersial dan mengurus program atau projek berkaitan bidang penyelidikan hutan.


Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mahmod berkata kira-kira 150 produk berpotensi akan dikomersilkan pada peringkat awal.

Beliau berkata 15 produk

“ Dengan kelulusan yang diperoleh 4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat menjana pendapatan sendiri melalui pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijalankannya. Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. ”

**DATUK SERI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Headline	Bangun penyelidikan sektor perhutanan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A8	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	466 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,638
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,914



**WAN Junaidi (kanan) ketika memotong daging korban di Masjid Jamek Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong pada Ahad. - Gambar BERNAMA**

terbaik disasarkan berada di pasaran tahun depan dengan jangkaan pendapatan antara RM150 juta dan RM200 juta selepas tiga tahun di pasaran.

“Kita tubuhkan pasukan khas bagi membantu memastikan produk-produk ini berjaya dipasarkan dan menembusi pasaran antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata antara produk berpotensi ialah perabot daripada hasil hutan, terutamanya yang diusahakan pengusaha bumiputera. - Bernama